

Tindakan 'markah kasihan' salah

KUALA LUMPUR - Tindakan pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengarahkan seorang pensyarahnya untuk memberikan 'markah kasihan' kepada para pelajar di bawah kendalian pensyarah terbabit merupakan satu kesalahan.

Tokoh akademik, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim berkata, setiap universiti tidak sepatutnya mengambil keputusan sedemikian hanya semata-mata mahu membantu para pelajar terbabit lulus dalam peperiksaan.

"Jika benar pensyarah tersebut terpaksa berhenti kerana enggan menuruti perintah pengurusan universiti tersebut, maka pensyarah itu boleh membawa kes tersebut ke muka pengadilan," katanya ketika dihubungi semalam sebagai mengulas laporan *Kosmo!* berhubung



KERATAN *Kosmo!* semalam.

nasib seorang pensyarah USIM yang mendakwa terpaksa meletakkan jawatan gara-gara hanya meluluskan empat daripada 157 pelajarinya.

Pensyarah tersebut, Nor (bukan nama sebenar) mendakwa, punca peletakan jawatannya ada-

lah kerana tidak tahan lagi menerima tekanan supaya mengikut kehendak universiti dalam pemberian 'markah kasihan'.

Felo Penyelidik Kanan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM), Senator Datuk Dr. Firdaus Abdullah pula

berkata, apa yang lebih penting pengurusan universiti terbabit perlu menilai semula punca kegagalan sebilangan besar pelajar itu dan bukannya menghukum pensyarah terbabit.

"Saya percaya niat setiap pensyarah pasti mahu meningkatkan mutu pelajar mereka. Pihak universiti perlu membuat kajian apakah yang menyebabkan kegagalan pelajar," katanya.

Sementara itu, Nor menjelaskan, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebenarnya telah memberikan maklum balas lapan bulan selepas beliau melaporkan perkara tersebut kepada kementerian.

Katanya, ekoran maklum balas yang lambat diperoleh daripada KPT, beliau telah mengambil keputusan untuk meletakkan jawatan sebagai pensyarah.